

09 NOV 2001

Mahathir-Komisyen

JANGAN SALAHKAN HARGA PETROL UNTUK MINTA TAMBAH KOMISYEN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peniaga petrol di negara ini tidak harus memberi alasan kenaikan harga petrol bagi mewajarkan permintaan mereka untuk menaikkan kadar komisyen.

"Mereka boleh minta kenaikan kadar komisyen tetapi jangan beri alasan bahwa ia adalah kerana kenaikan harga petrol, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Quran digital, Al-Mursyid di sini hari ini.

Naib Presiden Persatuan Peniaga Petrol Malaysia (PDAM) Abu Samah Bachik dilaporkan memberitahu akhbar Business Times (BT) bahawa jika kerajaan tidak bersetuju dengan permintaan itu, stesen petrol mungkin terpaksa ditutup.

Kadar komisyen semasa ialah 6.18 sen seliter bagi petrol dan 2.27 sen untuk diesel. Persatuan itu meminta kenaikan komisyen 4 sen bagi petrol dan dua sen lebih untuk diesel.

Dr Mahathir berkata: "Mereka mendapat komisyen 6 sen, mereka minta tambahan 4 sen. Tetapi 4 sen adalah kira-kira 60 peratus daripada komisyen mereka."

Beliau menyifatkan peratusan kenaikan itu sebagai "tidak wajar" berikutan kenaikan 8 peratus harga petrol diesel.

"Mungkin mereka mempunyai sebab lain yang perlu diselesaikan sendiri. Tetapi jangan salahkan kenaikan harga petrol," katanya.

Artikel dalam BT itu juga menyebut dakwaan peniaga bahawa mereka sudahpun menghadapi masalah sebelum kenaikan 10 peratus harga petrol seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 2002.

-- BERNAMA

MAM ZS LAT